

06/03/2001

Peluang pertemuan 50-50: PM

Ahmad Zaini Kamaruzzman; Hassan Omar; Johari Ibrahim  
BUKIT KAYU HITAM, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peluang mengadakan pertemuan Umno-Pas bagi membincangkan isu perpaduan Melayu, cuma 50-50.

Perdana Menteri berkata walaupun keyakinannya agak rendah, Umno akan terus berusaha supaya pertemuan penting bagi bangsa Melayu itu dapat dilaksanakan.

Menurutnya, selain berusaha menerusi perbincangan awal, beliau berdoa bagi merealisasikan pertemuan terbabit kerana perpecahan di kalangan orang Melayu kini mencapai tahap yang terlalu luas dan dalam.

"Lima puluh-lima puluh. Kita masih usaha nak jumpa juga. Kita juga berdoa," katanya kepada pemberita selepas melancarkan projek Kota Perdana-Asean Metropolis Abad 21, di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada beliau yakin pertemuan Umno-Pas itu akan menjadi kenyataan berikutan tiga prasyarat yang ditetapkan Pas sebelum bersetuju mengadakan perbincangan berkenaan.

Syarat berkenaan ialah mengembalikan royalti minyak kepada Kerajaan Terengganu, memberi semula permit Harakah kepada lapan kali sebulan dan meminta kerajaan menolak cadangan Umno melarang penggunaan nama Islam pada pertubuhan, termasuk parti politik.

Perdana Menteri juga menafikan dakwaan kononnya pertemuan itu bertujuan memerangkap Pas, sebaliknya ia penting bagi merapatkan semula jurang perpecahan orang Melayu akibat perbezaan fahaman politik.

Dr Mahathir turut menegaskan pertemuan itu harus memberi tumpuan kepada penyatuan Melayu dan bukan perpaduan nasional seperti yang diminta Pas kerana perpaduan nasional tidak mampu dibentuk jika orang Melayu berpecah-belah.

"Kita tak ada perangkap. Kita fikir ada baiknya kita bertemu ... bercakap fasal masalah bersama. Kalau tak setuju, tak setujulah tapi kita bercakap fasal masalah bersama.

"Kita nak bangkit perkara yang ada secara langsung dengan perpaduan. Bukan kita nak ganti rugi. Cuma perpaduan Melayu. Tak boleh ada perpaduan nasional kalau orang Melayu berpecah," katanya.

Dr Mahathir juga diminta mengulas dakwaan pembangkang kononnya orang Melayu tidak berpecah, sebaliknya hanya berpindah daripada menyokong Umno kepada Pas dan Keadilan.

Menurutnya, kemungkinan itu memang ada tetapi jurang perpecahan antara orang Melayu yang berpindah sokongan kepada Pas dengan mereka yang masih setia kepada Umno, sudah terlalu luas dan dalam.

"Mungkin juga berpindah tetapi perpecahan antara yang pindah dengan yang masih ada (dalam Umno) lagi jaraknya terlalu dalam ... terlalu besar. Kalau pun dia pindah tetapi tak bermusuhan ketat macam sekarang ini tak apalah.

"Fahaman politik tentulah berbeza tetapi apabila kepentingan orang Melayu tergugat, itu masalah kita bersama," katanya.

Mengenai pertemuan tertutup dengan pemimpin Umno cawangan dalam bahagian Yan dan Pendang di Yan, pagi ini, Perdana Menteri berkata, beliau mengingatkan pemimpin dan ahli Umno agar memelihara perpaduan dengan tidak berebut jawatan, terutama menjelang pemilihan bahagian, April ini.

Katanya, dengan menghayati konsep perpaduan, Umno bukan saja mampu menangkis usaha pihak tertentu untuk melemahkan parti, malah terus kukuh sebagai tunjang Barisan Nasional (BN).

Menurut Dr Mahathir, walaupun ada sedikit pergeseran akibat pemilihan di peringkat bahagian, secara keseluruhannya Umno tetap utuh sebagai parti yang menjadi payung orang Melayu.

"Kita cakap pentingnya perpaduan dalam Umno. Tidak ada perebutan tempat, kuasa, jawatan dan sebagainya.

"Kita ulang balik tentang perjuangan asal Umno. Macam mana Umno menyatupadukan orang Melayu yang lemah supaya jadi pasukan yang kuat hingga dapat menangkis usaha British untuk mendirikan Malayan Union.

"Kalau kita bersatu padu, kita akan jadi kuat. (Umno) umumnya baik tetapi adalah sikit di sana sini berlaku perpecahan," katanya.

(END)